

Etihad cadang turun caj bahan api

ETIHAD Airways yang sudah memulakan operasi penerbangannya di negara ini dan menjalin kerjasama dengan Penerbangan Malaysia (MAS), berhasrat menurunkan caj bahan apinya bergantung kepada harga bahan api jet global.

Pengurus Negara (Malaysia), Adam Phillips, berkata ia akan menjadi proses berterusan dan syarikat penerbangan itu akan melakukan perubahan mengikut keadaan.

"Kami melindungi nilai surcay bahan api kami dalam pasaran seperti pihak lain dan ia berterusan," katanya ketika lawatan media meninjau Airbus A340-600 di Sepang, kelmarin.

Melalui pesawat itu, iaitu yang terpanjang di Asia, Etihad mampu menawarkan 286 tempat duduk dengan 12 penumpang dalam kelas pertama Diamond, 30 penumpang bagi kelas perniagaan Pearl dan 244 penumpang kelas ekonomi Coral).

Syarikat penerbangan kebangsaan Emiriah Arab Bersatu itu sebelum ini merekodkan jumlah penumpang 125,000 sejak perkhid-



MEWAH... bahagian tempat duduk Kelas Perniagaan Pearl pesawat A340-600 Etihad.

matan penerbangan laluan Kuala Lumpur - Abu Dhabi mula beroperasi sejak Januari tahun lalu.

Laluan penerbangan itu turut menyumbang kepada pertumbuhan penumpang Etihad sebanyak 67 peratus bagi tahun 2007 berbanding tahun sebelumnya.

Buat masa ini, Etihad menggunakan 37 pesawat dan menawarkan perkhidmatan penerbangan ke 45 destinasi terutama di Asia Barat, Eropah, Amerika Utara, Afrika dan Asia.

Selain itu, Etihad turut melancarkan sembilan destinasi penerbangan baru se-

panjang tahun lalu, termasuk Kuala Lumpur, Sydney (Australia), Trivandrum dan Cochin di Kerala (India), Singapura, Ireland, Milan dan Kathmandu.

Etihad juga menyediakan enam penerbangan seminggu untuk laluan penerbangan Kuala Lumpur - Abu Dhabi dan sambungan ke destinasi perniagaan.

Etihad Airways dan MAS memeterai perjanjian perkongsian kod yang bakal memberi peluang kepada penumpang mengakses rangkaian destinasi kedua-dua syarikat itu bermula 29 September ini.